



PIBG SK BUKIT PIATU
28700 BENTONG, PAHANG
DENGAN KERJASAMA
SK SUNGAI DUA
28600 KARAK, PAHANG



Ruj. Kami: BPAC/2019/5
Tarikh: 2 September 2019

Kepada:
Yang Berkenaan

Tuan,

JEMPUTAN PERTANDINGAN MEMANAH TERBUKA ANTARABANGSA BENTONG BAWAH 12 TAHUN 2019

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuki.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa PIBG SK BUKIT PIATU dan SK SUNGAI DUA akan menganjurkan **Pertandingan Memanah Terbuka Antarabangsa Bentong bawah 12 Tahun 2019** seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 15 – 17 November 2019
Hari : Jumaat – Ahad
Tempat : Lapang sasar SK Bukit Piatu Bentong, Pahang.
Yuran : RM80.00 setiap peserta
Pendaftaran : <https://forms.gle/XnvdC12Ng9ZDjPTZ7>

3. Sehubungan dengan itu, pihak PIBG SK Bukit Piatu dan SK Sungai Dua berbesar hati menjemput Persatuan / Kelab / Sekolah dan peminat sukan memanah untuk menyertai **Pertandingan Memanah Terbuka Antarabangsa Bentong bawah 12 Tahun 2019**. Bersama-sama ini dilampirkan bersama maklumat berkaitan dengan pertandingan.

4. Kami mengalu-alukan penyertaan pasukan ke pertandingan ini untuk sama-sama memeriahkan pertandingan yang akan kami anjurkan ini. Semoga penglibatan pihak tuan dapat meningkatkan prestasi sukan memanah.

5. Keprihatinan dan kerjasama pihak Ybhg Dato'/ Tuan/ Puan didahulukan dengan jutaan terima kasih.

"MAJULAH SUKAN UNTUK NEGARA"
"RAKYAT SIHAT NEGARA MAJU"

Yang menjalankan amanah,


.....
(Tuan AB Aziz Bin Tuan Abdullah)
Guru Besar,
SK BUKIT PIATU
28700 BENTONG
PAHANG


.....
(Zaleha bt Othman)
Guru Besar,
SK SUNGAI DUA,
28600 KARAK,
PAHANG DARUL MAKMUR


.....
(Hasrudin bin Mohd Zain)
Pengerusi,
PERTANDINGAN MEMANAH TERBUKA
ANTARABANGSA BAWAH 12 TAHUN 2019
SK BUKIT PIATU DAN SK SUNGAI DUA

1.0 TENTATIF DAN MAKLUMAT KEJOHANAN

Tarikh: 15 - 17 November 2019

Hari : Jumaat hingga Ahad

Masa : 8.30 pg – 6.30 ptg

MAKLUMAT KEJOHANAN

NAMA	PERTANDINGAN MEMANAH TERBUKA ANTARABANGSA BENTONG BAWAH 12 TAHUN 2019																				
TARIKH	15 – 17 / 11 / 2019																				
TEMPAT	Lapang Sasar SK Bukit Piatu, Bentong Pahang																				
PENDAFTARAN PASUKAN	Penyertaan: 1. TEMPAT TERHAD. 2. 400orang pesera sahaja (200 peserta lelaki dan 200 peserta perempuan) siapa cepat Diutamakan. 3. Link untuk mendaftar https://forms.gle/XnvdC12Ng9ZDjPTZ7 <table><tr><th rowspan="2">Status</th><th colspan="2">Requre</th><th rowspan="2">Jumlah</th></tr><tr><th>Lelaki</th><th>Perempuan</th></tr><tr><td>Pengurus</td><td colspan="2">1</td><td>1</td></tr><tr><td>Jurulatih</td><td colspan="2">Tiada had</td><td>Tiada had</td></tr><tr><td>Atlet</td><td>Tiada had</td><td>Tiada had</td><td>Tiada had</td></tr></table>			Status	Requre		Jumlah	Lelaki	Perempuan	Pengurus	1		1	Jurulatih	Tiada had		Tiada had	Atlet	Tiada had	Tiada had	Tiada had
Status	Requre		Jumlah																		
	Lelaki	Perempuan																			
Pengurus	1		1																		
Jurulatih	Tiada had		Tiada had																		
Atlet	Tiada had	Tiada had	Tiada had																		
YURAN PENYERTAAN	Atlet Recurve: RM 80.00 seorang Pegawai/Jurulatih : RM 20.00 seorang <u>Bayaran dan pendaftaran: pada atau sebelum 4 November 2019</u> secara <i>online</i> melalui bank transfer ke akaun berikut: Bank – RHB BANK Nama – PIBG SK BUKIT PIATU No. Akaun – 20602100051750 Emel – bpac2018@gmail.com <i>*Sila sertakan bukti pembayaran ke alamat emel seperti di atas.</i>																				
HADIAH	Pusingan Kelayakan: 1. Johan, Naib Johan, Ketiga hingga ke-10, untuk set 1, set 2 dan keseluruhan bagi setiap kategori : Medal Pusingan Individu @ Olimpik Individu: (untuk setiap kategori) 1. Tempat Pertama : RM300 dan Medal 2. Tempat Kedua : RM200 dan Medal 3. Tempat Ketiga : RM100 dan Medal 4. Tempat Keempat: RM50 dan Medal Pusingan Campuran (mix team): 1. Tempat Pertama : Medal																				

	2. Tempat Kedua : Medal 3. Tempat Ketiga : Medal 4. Tempat Keempat: Medal
MAKAN DAN MINUM	Makan dan minum di bawah tanggungjawab pasukan masing-masing.
PENGINAPAN	Pihak penganjur tidak menyediakan penginapan dan segala urusan adalah di bawah tanggungjawab pasukan masing-masing. Walau bagaimana pun pihak penganjur menyenaraikan maklumat tentang penginapan di dalam lampiran.
LAIN-LAIN	Setiap peserta akan mendapat: 1. Sijil Penyertaan 2. Medal Penyertaan 3. Baju T-shirt (SILA NYATAKAN SAIZ DALAM BORANG PENYERTAAN)
URUSETIA	Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, sila hubungi: 1. Hasrudin – 013-9843341 (pengurus kejohanan) 2. M. Khairol Azuan – 011-39120445 (penyelaras kejohanan) 3. Suhaidi – 013-2071068 (bendahari) 4. Atikah – 011-18853813 (pendaftaran)

TENTATIF KEJOHANAN

Tarikh	Masa	Event
15 November 2019	3.30pm – 5.00pm	Pendaftaran
		Latihan dan Pemeriksaan Alatan
	5.00pm – 6.30pm	Taklimat Pengurus Pasukan
16 November 2019	8.30am – 9.00am	Latihan Rasmi untuk Kategori Lelaki
	9.10am – 10.50am	30m Lelaki Set 1
	10.50am – 11.10am	Rehat
	11.10am – 12.50pm	30m Lelaki Set 2
	1.00pm – 1.30pm	Latihan Rasmi untuk Kategori Perempuan
	1.40pm – 3.20pm	30m Perempuan Set 1
	3.20pm – 3.40pm	Rehat
	3.40pm – 5.20pm	30m Perempuan Set 2
	5.30pm – 6.00pm	Latihan Rasmi untuk kategori Lelaki
	6.00pm – 6.30pm	Pusingan Individu Lelaki 1/32
17 November 2019	8.00am – 8.30am	Latihan Rasmi untuk Kategori Perempuan
	8.40am – 9.10am	Pusingan Individu Perempuan 1/32
	9.15am – 9.45am	Pusingan Individu Lelaki dan Perempuan 1/16
	9.50am – 10.20am	Pusingan Individu Lelaki dan Perempuan 1/8
	10.25am – 10.55am	Pusingan Individu Lelaki dan Perempuan 1/4
	11.00am – 11.30pm	Pusingan Individu Lelaki dan Perempuan 1/2
	11.35pm – 12.05pm	Pusingan Individu Lelaki dan Perempuan Akhir tempat (1 dan 2) / (3 dan 4)
	12.10pm – 12.40pm	Pusingan Kumpulan Campuran (Mix Team)1/8
	1.30pm – 2.00pm	Pusingan Kumpulan Campuran (Mix Team)1/4
	2,05pm – 2.35pm	Pusingan Kumpulan Campuran (Mix Team)1/2
	2.40pm – 3.10pm	Pusingan Kumpulan Campuran Akhir (Mix Team) tempat (1 dan 2) / (3 dan 4)
	3.40pm – 4.40pm	Majlis Perasmian Penutupan dan Penyampaian Hadiah (*YB Adun Ketari)

** Tentatif ini tertakluk kepada perubahan dan pindaan bergantung kepada jumlah penyertaan dan faktor cuaca.*

2.0 PERATURAN KEJOHANAN

2.1 Peraturan Am

- Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut peraturan MSSM dan undang-undang World Archery (WA).
- Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentaksiran, maka undang-undang (WA) yang terkini akan dipatuhi.
- Kejadian di luar dugaan dan sebarang perselisihan teknikal yang tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan berdasarkan kepada **peraturan MSSM dan WA**.
- Sebarang keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal adalah muktamad.

2.2 Kategori Umur

- Semua atlet lelaki dan perempuan yang berumur 12 tahun dan kebawah (lahir pada tahun 2007 dan selepasnya)

2.3 Pendaftaran Pasukan

- Sebelum atau pada **4 NOVEMBER 2019**.

2.4 Jenis Pertandingan

- Pertandingan akan dijalankan selama tiga (3) hari.
 - i. Latihan Rasmi dan pemeriksaan alatan
 - ii. Pusingan Kelayakan lelaki dan perempuan
 - iii. Pusingan Olimpik Individu lelaki dan perempuan
 - iv. Pusingan Olimpik Campuran (mix team)
- Lelaki dan perempuan pusingan kelayakan.
 - i. Pusingan 30 meter- 2 set (target face 122 cm)
 - ii. Set 1
 - iii. Set 2
 - iv. Keseluruhan individu
- Lelaki dan perempuan pusingan Olimpik Individu.
 - i. Jarak yang dipertandingkan 30 meter.
 - ii. Bagi acara Olimpik Individu, seramai **32 orang pemanah Lelaki dan 32 orang pemanah Perempuan** terbaik yang bertanding dalam Pusingan Kelayakan akan layak memasuki **Pusingan Olimpik Individu**.
- Pusingan Olimpik Campuran (mix team)
 - i. Jarak yang dipertandingkan 30 meter.

- ii. Bagi acara Olimpik Campuran (mix team). Seramai 16 atlet lelaki dan perempuan terbaik bagi setiap kumpulan dari pusingan kelayakan individu akan layak memasuki **Pusingan Campuran (mix team)**.

2.5 Sistem Pertandingan

- Pertandingan mengikut sistem **Pusingan Kelayakan dan Pusingan Olimpik**.
- Setiap peserta **dimestikan** memarah di dalam **Pusingan Kelayakan** pada jarak yang dipertandingkan.
- Peserta yang mendapat **mata tertinggi** akan dikira sebagai **pemenang**.
- Bagi Pusingan Kalah Mati (**Pusingan Olimpik**), peraturan yang digunakan adalah mengikut **Peraturan WA**.

2.6 Peralatan

- Merujuk Kepada Undang-undang **MSSM**. Semua peralatan boleh digunakan **KECUALI**:
 - i. **Carbon Limb**
 - ii. **Carbon Arrows**

2.7 Taklimat Pengurus Pasukan

- Taklimat pengurus pasukan akan dijalankan pada hari pendaftaran (**15 November 2019**).

2.8 Masa Melapor Diri

- Setiap pasukan **WAJIB** melapor diri kepada Ketua Hakim untuk pemeriksaan alatan pertandingan (**Tackle Inspection**) pada hari Latihan Penyesuaian Gelanggang.

2.9 Tatatertib

- Etika berpakaian, semua atlet mestilah mematuhi etika berpakaian yang telah ditetapkan dalam peraturan am MSSM.
- Bagi atlet Luar Negara etika berpakaian adalah mengikut WA.

2.10 Bantahan

- Hanya pengurus pasukan dibenarkan untuk membuat bantahan.
- Bantahan hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar kepada Pengarah / Pegawai Pertandingan dalam masa **tiga puluh (30) minit** selepas keputusan pertandingan rasmi dikeluarkan beserta wang bantahan sebanyak **RM200.00**.

2.11 Pentafsiran Undang-undang Dan Peraturan Pertandingan

- Jawatankuasa Pengelola mempunyai hak mentafsirkan segala perkara yang tidak disiarkan di dalam undang-undang / peraturan pertandingan ini dan keputusan yang dibuat adalah **MUKTAMAD**.

2.12 Hadiah Pertandingan

- Hadiah akan diberikan mengikut kedudukan pertama hingga ke-sepuluh bagi acara kelayakan individu set 1, set2 dan keseluruhan bagi kategori lelaki dan perempuan.
- Hadiah bagi Olimpik individu lelaki dan perempuan akan diberi mengikut kedudukan tempat pertama hingga ke-empat.
- Hadiah bagi Olimpik Campuran (mix team) akan diberikan mengikut kedudukan pertama hingga ke-empat.

2.13 Hak Jawatankuasa Penganjur

- Jawatankuasa Penganjur adalah berhak untuk meminda / menambah peraturan-peraturan yang difikirkan perlu. Sebarang keputusan adalah muktamad.
- Jawatankuasa Penganjur adalah berhak untuk tidak membenarkan penyertaan atlet atau pasukan sekiranya difikirkan perlu.